

HPTP beroperasi setahun lebih awal

Pagoh: Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) dijangka beroperasi tahun depan setahun lebih awal berbanding perancangan asal berikutan kerja-kerja pembinaan berjalan lancar.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, fasa pertama HPTP dijangka beroperasi pertengahan tahun depan berikutan ada pembinaan di fasa pertama projek itu kini siap kira-kira 70 peratus.

“Selepas meninjau perkembangan pembinaan HPTP, saya gembira dengan perkembangan terbaru dan menjangkakan universiti boleh mula menggunakan sebahagian daripada bangunan tahun depan.

“Pada mulanya, kami merancang hab ini akan dibuka pada 2017 namun nampaknya ia akan beroperasi lebih awal. Selain itu, kita perlu membincangkan pembangunan Bandar Baru Universiti Pagoh untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan sosial,” katanya pada sidang akhbar selepas Taklimat Pelan Pembangunan Parlimen Pagoh di Kompleks Sri Pekembar di sini, semalam.

Menurutnya, kemudahan asas seperti jalan raya, tahap keselamatan, kesihatan, jumlah rumah dan pengangkutan awam perlu dipertingkatkan bagi menampung pembangunan di kawasan sekitar hab pendidikan Pagoh.

Terdahulu Muhyiddin, Pengerusi Eksekutif Sime Darby Property Selatan Sdn Bhd, Datuk Seri Abd Wahab Maskan dan Pengerusi Ek-

“ Saya gembira dengan perkembangan terbaru dan menjangkakan universiti boleh mula menggunakan sebahagian daripada bangunan tahun depan”

Muhyiddin Yassin

sekutif Tunas Selatan Sdn Bhd, Tan Sri Esa Mohamad menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Projek Kolej

Kediaman Pelajar HPTP antara Tunas Selatan Construction dengan empat universiti awam (UA) di hab pendidikan Pagoh.

MoU itu diwakili Pengarah Eksekutif Tunas Selatan Esa, Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Datuk Seri Dr Ir Zaini Ujang, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof Datuk Dr Ir Wahid, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamarudin dan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Dalam ucapannya, Muhyiddin berkata, HPTP bakal menjadi pusat pendidikan tinggi bertaraf dunia apabila universiti kedua terbaik dunia, Imperial College London di Britain bersetuju menubuhkan makmal automotif dengan kerjasama UTM.